

# **PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

---



---

## **MESYUARAT AGUNG KE 64 / 2024**

---

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**



**23 FEBRUARI 2024**

**JUMAAT**

**9.00 PAGI**

**DEWAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI  
ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**

<b>BIL</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Notis Jemputan Mesyuarat Agung	2
2	Agenda Mesyuarat	3
3	Ucapan Aluan Tuan Yang DiPertua	4
4	Minit Mesyuarat Agung PKMAM ke 63	
	4.1 Minit Mesyuarat	6
	4.2 Daftar Kehadiran	11
5	Laporan Tahunan	
	5.1 Ahli Jawatankuasa PKMAM	14
	5.2 Mesyuarat Jawatankuasa	15
	5.3 Laporan Pelaksanaan Sistem e-Khairat	16
	5.4 Senarai Penerima Sumbangan Kematian 2023	17
6	Laporan Kewangan	
	6.1 Penyata Kewangan Tahun 2023	20
	6.2 Kunci Kira-Kira Tahun 2023	21
	6.3 Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2024	22
7	Pembentangan Usul	
	7.1 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai	24
	7.2 Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan	28
8	Lampiran	
	8.1 Panduan Pendaftaran Ahli dan Bayaran Yuran Tahunan	44
	8.2 Senarai Masjid dan Surau dalam Kariah Masjid Albukhary Alor Malai	45

# **PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

---

Tarikh : 6 hb Februari 2024

Untuk Makluman;

Tuan/Puan

Ahli Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai (PKMAM)

**NOTIS : MESYUARAT AGUNG PKMAM KALI KE 64 TAHUN 2024**


Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 23 hb Februari 2024 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Masjid Albukhary Alor Malai

2. Sehubungan dengan itu, tuan / puan dijemput untuk hadir ke mesyuarat tersebut bagi menyempurnakan tanggungjawab kita sebagai ahli Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai (PKMAM).
3. Sekiranya terdapat sebarang usul, ianya hendaklah diserahkan ke Pejabat Pengurusan Masjid Albukhary sebelum 15 hb Februari 2024.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas.



.....  
(AHMAD SHUFNI BIN OTHMAN)

Setiausaha

**MAKLUMAN :**

1. Yuran keahlian Tahun 2023 atau sebelumnya hendaklah dijelaskan secepat mungkin.
2. Saguhati kehadiran mesyuarat akan dibayar selepas mesyuarat. Wakil tidak dibenarkan.
3. Buku Laporan Mesyuarat Agung Ke 64 boleh dimuat turun dari Sistem e-Khairat. (<https://www.e-khairat.com/alormalai/document>)

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**  
**MESYUARAT AGUNG KALI KE 64 TAHUN 2024**  
**23 HB FEBRUARI 2024**

---

**ATURCARA MAJLIS:**

9.00 pagi : Pendaftaran Kehadiran

9.30 pagi : Mesyuarat Agung Dimulakan

**AGENDA MESYUARAT:**

1. Aluan Setiausaha PKMAM
2. Melantik dua (2) orang Pencatat Minit Mesyuarat (seorang AJK dan seorang Ahli).
3. Ucapan Aluan oleh Tuan Yang Dipertua PKMAM dan seterusnya mempengerusikan Mesyuarat Agung Kali ke 64
4. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 63.
5. Membentang Laporan Tahunan 2023.
6. Membentang dan Mengesahkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.
7. Membentang dan Membahaskan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2024.
8. Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira.
9. Membahaskan Usul-usul.
  - 9.1. Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai
  - 9.2. Usul dari Ahli (jika ada)
10. Ucapan Penangguhan.

## UCAPAN ALUAN TUAN YANG DIPERTUA



**TUAN HAJI MOHMAD NASRUDIN BIN ISMAIL**

Dengan nama Allah yang Maha Mengasihani, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi atas keizinan-Nya, kita dapat mengadakan Mesyuarat Agung tahunan kali ke 64 tahun ini pada hari ini.

Kekuatan sesuatu ummah terletak kepada kesepaduan dan kerjasama semua ahli dalam pertubuhan. Kefahaman tentang khairat dan kebajikan ahli perlu ditanam dalam pemikiran ahli supaya pertubuhan ini berada dilandasan yang betul dan mengikut perlembagaan

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada barisan Ahli jawatankuasa PKMAM yang telah berkhidmat dengan sepenuh ikhlas sepanjang tempoh 1 tahun bagi sesi penggal 2023-2024. Banyak program dan penambahbaikan telah dilakukan antaranya penambahbaikan rekod pendaftaran ahli lama, kempen pendaftaran ahli baru, menaik taraf sistem pengurusan kewangan serta menyelesaikan pelbagai bentuk tuntutan khairat kematian penduduk secara efisien. PKMAM kini telah bertukar dari kaedah tradisi kepada penggunaan sistem berkomputer sepenuhnya melalui platform Sistem e-Khairat . Kita telah mula menggunakan Sistem e-Khairat ini bermula pada 26 hb Mac 2023.

Sehingga 31 Disember 2023, bilangan ahli yang telah berdaftar dalam Sistem e-Khairat adalah seramai 547 orang iaitu 412 orang ahli lama dan 135 orang ahli baharu. Sebanyak 1,008 orang tanggungan juga telah didaftarkan.

Untuk membolehkan pertubuhan ini terus relevan, kepimpinan yang bijak dan dinamik merupakan antara prasyarat utama. Ahli-ahli pertubuhan yang diberi amanah menerajui kepimpinan dalam pertubuhan ini merupakan tonggak pemangkin perubahan yang berperanan besar bagi membentuk masa depan pertubuhan. Justeru itu komitmen, kreativiti, inovasi, dan kebijaksanaan harus digunakan sebagai pemangkin perubahan. Kita menghargai setiap pandangan ahli untuk dijadikan input ke arah penambahbaikan dan kecemerlangan Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai. Harapan saya semoga pertubuhan ini kekal terus utuh bergerak demi menjaga kepentingan komuniti anak jamaah kariah Alor Malai. Selamat maju jaya.

---

# MINIT MESYUARAT KE 63 /2023

---

---

PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 63 / 2023**  
**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI (PKMAM)**

---

Tarikh : 18 Mac 2023 (25 Syaaban 1444)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Masjid Albukhary Alor Malai  
Kehadiran : 54 orang

**Agenda 1 : Memilih Seorang Pengerusi Mesyuarat**

Tn. Hj. Mohamad Nasrudin bin Hj. Ismail, selaku Tuan Imam dan juga Yang Dipertua PKMAM telah dipilih sebulat suara untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung kali ini.

**Agenda 2 : Memilih Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat**

Ust. Sulaiman bin Mat Akhir mencadangkan Tn. Hj. Mat Salleh bin Md Daud daripada AJK PKMAM dan Tn. Hj. Abdul Rahman bin Ahmad daripada ahli yang hadir sebagai pencatat minit.

Ahli Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**Agenda 3 : Ucapan Aluan Dan Perasmian Mesyuarat Oleh Yang Dipertua PKMAM**

Antara isi ucapan Tuan Yang Dipertua PKMAM

- 1) Tuan Yang Dipertua mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah melapangkan masa untuk menghadiri dan menunaikan tanggungjawab bermesyuarat kali ini.
- 2) Beliau menekankan agar semua ahli pertubuhan memainkan peranan untuk memperkemaskan pertubuhan.
- 3) Beliau menyentuh dan menyarankan agar ahli-ahli dapat melunaskan yuran mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan serta memastikan nombor keahlian dan nombor kad pengenalan yang betul agar tidak timbul permasalahan di pihak pengurusan.
- 4) Tuan Yang Dipertua telah memaklumkan kelulusan dari Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk:
  - a) Bayaran pendaftar ahli baharu naik dari RM5.00 kepada RM10.00
  - b) Yuran ahli kelamin naik dari RM40.00 kepada RM50.00
  - c) Yuran ahli bujang naik dari RM30.00 kepada RM40.00
  - d) Bantuan kewangan apabila berlaku kematian naik dari RM800.00 kepada RM1,000.00
- 5) Seterusnya Tuan Yang Dipertua merasmikan Mesyuarat Agung PKMAM kali ke 63.

**Agenda 4 : Membentang Dan Mengesahkan Minit Mesyuarat PKMAM Kali Ke 62 / 2022**

Tuan Setiausaha membentangkan minit Mesyuarat Agung kali ke 62 sebagaimana yang tercatat didalam buku Peringatan Mesyuarat Agung kali ke 62 dari mukasurat 3 hingga 7.

Minit Mesyuarat Agung kali ke 62 diterima dan diluluskan dengan:

Pencadang : En. Dol bin Mohamad

Penyokong : Tn. Hj. Ahmad bin Awang

**Agenda 5 : Menerima Laporan Tahun 2022**

Tuan Setiausaha sekali lagi membentangkan Laporan Tahunan 2022 seperti pada mukasurat 10 hingga 12.

Cadangan diterima Laporan Tahun 2022.

Mesyuarat sebulat suara menerima Laporan Tahun 2022

**Agenda 6 : Membentang Dan Mengesahkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2022**

Tuan Bendahari membentangkan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2022 seperti pada mukasurat 13 dan 14 sebagaimana yang tercatat pada Kunci Kira-Kira 2022 pada mukasurat 14.

**KUNCI KIRA KIRA TAHUN 2022**

BUTIRAN	RM
<b>AWAL TAHUN 2022</b>	
1. Baki Awal Bank Islam	4,546.55
2. Baki Awal Bank Muamalat	65,960.31
3. Tunai di Tangan	66.12
4. Penerimaan Tahun 2022	147,280.07
5. Prabayar	7,847.44
<b>JUMLAH</b>	<b>225,700.49</b>
<b>AKHIR TAHUN 2022</b>	
1. Baki Akhir Bank Islam	9,469.53
2. Baki Akhir Bank Muamalat	74,470.26
3. Pembayaran Tahun 2022	141,760.70
<b>JUMLAH</b>	<b>225,700.49</b>
Pelaburan Simpanan Tetap Bank Islam	28,348.25
Pelaburan Simpanan Tetap Bank Rakyat	23,179.58
Pelaburan Simpanan Tetap Bank Muamalat	131,955.38
<b>JUMLAH</b>	<b>183,483.21</b>

Jumlah keseluruhan aset PKMAM pada 31 Dis. 2022 adalah sebanyak RM 267,423.00

Penyata Kewangan ini telah diaudit oleh Tuan Hj Ahmad Bin Awang dan En. Zulkifli bin Ahmad. Mesyuarat menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahun 2022

Pencadang : Pn. Zainab binti Don

Penyokong : Pn. Norzaini binti Ahmad



**Agenda 7 : Membahaskan Usul**

Ust. Sulaiman bin Mat Akhir mewakili AJK PKMAM, membentangkan usul supaya ditambah dua (2) orang lagi Ahli Jawatankuasa kerana pertambahan bilangan ahli baharu.

Usul ini disokong oleh En. Dol bin Mohamad dan mendapat sokongan sebulat suara dari ahli mesyuarat yang hadir.

**Agenda 8 : Memilih Sembilan (9) Orang Ahli Jawatankuasa PKMAM Sesi 2023/2025**

- 1) Disebabkan Tuan Imam Masjid Albukhary Alor Malai merupakan juga Pengerusi Kariah Alor Malai, maka dengan sendirinya beliau dilantik sebagai Tuan Yang Dipertua PKMAM. Oleh itu hanya lapan (8) orang sahaja yang akan dipilih untuk mengisi jawatan Ahli Jawatankuasa PKMAM.
  - a) Tn. Hj. Mohamad bin Abd. Razak (40 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Shaidun bin Shaari  
Penyokong : Tn. Hj. Mat Salleh bin Md. Daud
  - b) Ustaz Salleh bin Yusof (41 undi)  
Pencadang : En. Abdul Manaf bin Yusof  
Penyokong : Pn. Norzaini binti Ahmad
  - c) Tn. Hj. Ahmad Shufni bin Othman (28 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Mohamad Nasrudin bin Hj. Ismail  
Penyokong : Tn. Hj. Shaidun bin Shaari
  - d) Tn. Hj. Rosli bin Rejab (42 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Shaidun bin Shaari  
Penyokong : Tn. Hj. Ahmad bin Awang
  - e) Tn. Hj. Shaidun bin Shaari (42 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Faridam bin Ahmad  
Penyokong : Tn. Hj. Mohamad bin Abd. Razak
  - f) Tn. Hj. Faridam bin Ahmad (34 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Ghorib bin Salleh  
Penyokong : En. Abdul Manaf bin Yusuf
  - g) Tn. Hj. Mat Salleh bin Md. Daud (24 undi)  
Pencadang : Tn. Hj. Ishak  
Penyokong : Tn. Hj. Mohamad bin Abd. Razak

- h) Tn. Hj. Abu Hassan bin Yahya (37 undi)
    - Pencadang : Pn. Zainab binti Don
    - Penyokong : Pn. Faridah binti Minas
  - i) Ust. Sulaiman bin Mat Akhir (38 undi)
    - Pencadang : Tn. Hj. Abd. Rahman bin Ahmad
    - Penyokong : Tn. Hj. Mat Salleh bin Md. Daud
  - j) En. Adnan bin Daud (17 undi)
    - Pencadang : Ust. Sulaiman bin Mat Akhir
    - Penyokong : En. Mohd Johari bin Osman
  - k) Tn. Hj. Abd. Rahman bin Ahmad (24 undi)
    - Pencadang : En. Mohd Johari bin Osman
    - Penyokong : Tn. Hj. Shariff bin Ismail
- 2) Tn. Hj. Mat Salleh bin Md. Daud menarik diri dan memberi laluan kepada En. Adnan bin Daud sebagai Ahli Jawatankuasa bagi mewakili Taman Rakyat untuk memudahkan kutipan yuran keahlian.
- 3) Tn. Hj. Shaidun bin Shaari memaklumkan dalam mesyuarat bahawa cadangan Ust. Sulaiman bin Mat Akhir untuk melantik dua (2) orang Ahli Jawatankuasa tambahan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak Pendaftar Pertubuhan.
- 4) Mesyuarat bersetuju untuk menengguhkan perlantikan tambahan dua (2) orang Ahli Jawatankuasa tersebut sehingga mendapat kelulusan Pendaftaran Pertubuhan.
- 5) Senarai Ahli Jawatankuasa Sesi 2023/2025 yang telah dipilih mengikut undi tertinggi adalah:
- i) Tn. Hj. Rosli bin Rejab (42 undi)
  - ii) Tn. Hj. Shaidun bin Shaari (42 undi)
  - iii) Ustaz Salleh bin Yusof (41 undi)
  - iv) Tn. Hj. Mohamad bin Abd. Razak (40 undi)
  - v) Ust. Sulaiman bin Mat Akhir (38 undi)
  - vi) Tn. Hj. Abu Hassan bin Yahya (37 undi)
  - vii) Tn. Hj. Faridam bin Ahmad (34 undi)
  - viii) Tn. Hj. Ahmad Shufni bin Othman (28 undi)

**Agenda 9 : Pemilihan Dua Orang Pemeriksa Kira-kira**

Semua ahli yang hadir bersetuju untuk mengekalkan En. Zulkifli bin Ahmad dan Tn. Hj. Ahmad bin Awang sebagai Pemeriksa Kira-kira.

Pencadang : Pn. Faridah binti Minas

Penyokong : En. Dol bin Mohamad

**Agenda 10 : Membentang Dan Membahas Anggaran Penerimaan Dan Pembayaran**

Tuan Bendahari membentangkan anggaran Imbangan Penerimaan dan Bayaran untuk Tahun 2023 seperti pada mukasurat 15.

ANGGARAN PENERIMAAN TAHUN 2023 : RM 84,700.00

ANGGARAN PEMBAYARAN TAHUN 2023 : RM 42,650.00

Mesyuarat berpuashati dan menerima dengan sebulat suara anggaran yang telah dibentangkan.

**Agenda 11 : Ucapan Penanguhan Tuan Yang Dipertua (YDP)**

- 1) Tuan YDP mengingatkan ahli-ahli supaya menyamak data maklumat ahli ketika membuat bayaran yuran tahunan.
- 2) Tuan YDP / Tuan Imam juga mengingatkan ahli-ahli yang juga merupakan anak kariah / ahli jemaah supaya hadir ke masjid pada waktu-waktu solat jika hendak berurusan dengan nya.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Pencatat Minit :

- 1) Tn. Hj. Mat Salleh bin Md. Daud
- 2) Tn. Hj. Abd. Rahman bin Ahmad

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI (PKMAM)  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 63 / 2023  
PADA 18 MAC 2023**

**DAFTAR KEHADIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>NO TELEFON</b>
1.	Mat Salleh bin Md Saad	21, Taman Cenderawasih, Alor Setar	019 5622776
2.	Shaidun bin Shaari	27-B, Lorong Shariff 7, Jalan Langgar	012 4299605
3.	Abu Bakar bin Salleh	16, Kampung Hilir, Jalan Langgar	019 4619203
4.	Ghorib bin Salleh	2, Taman Malai	017 5068981
5.	Ahmad Shufni bin Othman	1147, Taman PKNK	019 4546164
6.	Sulaiman bin Haji Mat Akhir	94, Batu 3 Jalan Langgar	019 4049319
7.	Mohd Aliff Najmi	Lot 3, Lorong Kampung	019 9473732
8.	Fazlon bin Din	J3-2D Flat Taman Setia Jaya	012 5089782
9.	Mat Rejab bin Mat Isa		
10.	Mohd Hadzir	Batu 3, Jalan Langgar	013 4302028
11.	Abdul Rahman bin Ahmad	No. 17, Taman Malai	017 5535585
12.	Saeidin bin Abdullah	13/J Flat Taman Setia Jaya	016 4414151
13.	Ismail bin Abd Hamid	2175, Taman Rakyat	
14.	Saad bin Nayan	Kampung Borhan	012 5612394
15.	Mohd Shatar bin Ismail	Taman Cenderawasih	019 4425459
16.	Abu Hassan bin Yahya	Taman Serindit	019 5608576
17.	Abdul Manaf bin Yusof	Taman PKNK	011 4290628
18.	Adnan bin Daud	Taman Rakyat	013 5030911
19.	Ishak bin Mansor	Taman Setia Berjaya	013 4353088
20.	Dol bin Mohamad	207, Taman Mawar	019 4716015
21.	Othman bin Hassan	Kampung Raja Muda	017 4374684
22.	Haji Razak bin Yahaya	Taman PKNK	017 4061932
23.	Saidi bin Morad	1236, Taman PKNK	
24.	Faridam bin Ahmad	Taman Shahab	019 4171616
25.	Mohd Saad bin Hanafi	170, Batu 2 ¼ . Jalan Langgar	019 4125242
26.	Md Shariff bin Ismail	2107, Taman PKNK	012 7051625
27.	Mohd Mahzar	117, Taman Mawar	014 7009470
28.	Mohd Johari bin Othman	486, Taman Permai	019 4580519
29.	Dan bin Mahadi	73, Lorong Sepakat	016 4483746
30.	Saleh bin Yusof	Kampung Borhan	019 4177329
31.	Haji Ahmad bin Haji Awang	2155, Taman PKNK	019 5194638
32.	Abdul Rahman bin Ahmad	Taman Setia Berjaya	019 5522573
33.	Mohammad bin Abdul Razak	Taman Mawar	019 4588170
34.	Mohd Nasrudin bin Ismail	1326, Taman Serindit	013 5844569
35.	Haji Rosli bin Rejab	No. 30, Taman Jelatek	013 5230026
36.	Khatijah bt Ayob	C 3/11D, Flat Taman Setia Jaya	014 8271917
37.	Cik Rodzi bt Zakaria	C 3/12D, Flat Taman Setia Jaya	017 5881141
38.	Cik bt Arshad	Lorong Haji Hassan	016 4874129
39.	Fadzilah bt Othman	C 2/12C, Flat Taman Setia Jaya	010 3058850
40.	Asma bt Shek Ibrahim	Lot 27A, Kampung Borhan	019 3012287
41.	Hanisah bt Long	Lot 11C, Kampung Borhan	019 4551159
42.	Rohana bt Ramli	JG/2F, Flat Taman Setia Jaya	016 2223734
43.	Zainab bt Don	J4/5E, Flat Taman Setia Jaya	019 7952836
44.	Salmah bt Ahmad	41, Jalan Langgar	014 8294945

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>NO TELEFON</b>
45.	Malini bt Ismail	Kampung Borhan	012 4474851
46.	Norzaini bt Ahmad	Kampung Borhan	013 4733571
47.	Siti Khadijah bt Ahmad	Flat Taman Setia Jaya	019 5914317
48.	Sholihah bt Ahmad	Flat Taman Setia Jaya	011 5595514
49.	Faridah bt Minal	Kampung Borhan	017 5649211
50.	Siti Nurbaya bt Muhd Khairul Kunar	Flat Taman Setia Jaya	012 4262907
51.	Jamaliah bt Mahmud	Flat Taman Setia Jaya	012 4262907
52.	Raudzah bt Hamid	Taman Cenderawasih	017 5639727
53.	Faridah bt Din	76, Jln Waja 6, Taman Seri Menanti	019 526628
54.	Sarimah bt Bahari	Flat Taman Setia Jaya	017 4196806

---

# LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2023

---

---

PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI

**AHLI JAWATANKUASA SESI 2023/2025**



**YANG DIPERTUA**

Tn. Hj. Mohamad Nasrudin bin Ismail  
013-5844569

B26 Taman Serindit



**NAIB YANG DIPERTUA**

Tn. Hj. Mohamad bin Abd.  
Razak  
019-4588170

160 Taman Mawar



**SETIAUSAHA**

Tn. Hj. Ahmad Shufni bin  
Othman  
019-4546164

1147 Taman PKNK



**BENDAHARI**

Tn. Hj. Saleh bin Yusof  
019-4177329

LOT 17 Kampong Burhan



**PENOLONG  
SETIAUSAHA**

Tn. Hj. Shaidun bin Shaari  
012-4299605

27-B Lorong Shariff 7



**AHLI JAWATANKUASA**

Tn. Hj. Faridam bin Ahmad  
019-4171616


NO.9 Taman Shahab



**AHLI JAWATANKUASA**

Tn. Hj. Sulaiman bin Hj.  
Mat Akhir  
019-4049319

NO.94, Batu 3 Jalan  
Langgar



**AHLI JAWATANKUASA**

Tn. Hj. Abu Hassan bin  
Yahya  
019-5008576

NO. 60 Taman Serindit



**AHLI JAWATANKUASA**

Tn. Hj. Rosli bin Rejab  
013-5230026

NO.30 Taman Jelatik

**MESYUARAT JAWATANKUASA****KEHADIRAN MESYUARAT URUSETIA PENGURUSAN TAHUN 2023**

BIL	JAWATAN	NAMA	1/4	20/8	13/9	28/11
1	YANG DIPERTUA	HJ. MOHMAD NASRUDIN BIN ISMAIL	√	√	√	√
2	SETIAUSAHA	HJ. AHMAD SHUFNI BIN OTHMAN	√	√	√	√
3	BENDAHARI	HJ. SALEH BIN YUSOF	√	√	√	√
4	PENOLONG SETIAUSAHA	HJ. SHAIDUN BIN SHAARI	√	√	√	√

**KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA TAHUN 2023**

BIL	JAWATAN	NAMA	2021/2023	2023/2025	
			18/02	25/3	03/10
1	YANG DIPERTUA	HJ. MOHMAD NASRUDIN ISMAIL	√	√	√
2	NAIB YDP	HJ. MOHAMAD ABD. RAZAK	√	√	√
3	SETIAUSAHA	HJ. AHMAD SHUFNI OTHMAN		√	√
4	BENDAHARI	HJ. SALEH YUSOF		√	√
5	P. SETIAUSAHA	HJ. SHAIDUN SHAARI	√	√	√
6	AJK	HJ. SULAIMAN HJ. MAT AKHIR	√	√	√
7	AJK	HJ. FARIDAM AHMAD	√	√	√
8	AJK	HJ. ROSLI REJAB		√	√
9	AJK	HJ. ABU HASSAN YAHYA	√	×	√
10	AJK SESI 2021/2023	HJ. ABDUL RAHMAN AHMAD	√		
11	AJK SESI 2021/2023	EN. ADNAN DAUD	√		
12	AJK SESI 2021/2023	HJ. MAT SALLEH MD DAUD	√		



## LAPORAN PERLAKSANAAN SISTEM E-KHAIRAT

1. Sistem e-Khairat adalah sistem maklumat keahlian Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai. Dalam sistem ini terdapat maklumat ahli, maklumat tanggungan dan juga maklumat yuran tahunan. Melalui sistem ini, setiap ahli boleh mengemaskini maklumat keahlian, maklumat tanggungan dan juga menjelaskan yuran tahunan masing-masing.
2. Kos perolehan untuk Sistem e-Khairat adalah sebanyak RM1,500. Ianya telah dibiayai oleh pihak Masjid Albukhary Alor Malai. Kos sistem bayaran atas talian (on-line FPX) toyyibPay pula adalah sebanyak RM450 setahun ditanggung oleh pihak PKMAM.
3. Pendaftaran ahli lama (mengemaskini maklumat keahlian) dan pendaftaran keahlian baharu telah berjalan dengan lancar melalui sistem e-Khairat. Semua ini adalah dari hasil usaha serta kerjasama yang telah diberikan oleh semua ahli jawankuasa dan juga pengerusi-pengerusi masjid dan surau yang terlibat. Sehingga kini sebanyak 3 sesi kempen pendaftaran telah dijalankan iaitu pada 26 Mac, 6 April dan 14 Julai 2023.
4. Statistik keahlian yang telah didaftarkan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut :

Kawasan Surau / Taman		Ahli Lama	Ahli Baharu	Jumlah
1	Masjid Attaqwa, Taman PKNK	50	12	62
2	Masjid Al Hasanat, Taman Shahab	54	16	70
3	Surau Nurul Iman, Taman Serindit	64	13	77
4	Surau Albukhary, Taman Mawar	9	2	11
5	Surau Asshariff, Lorong Shariff	10	1	11
6	Surau Al Ihsan, Taman Setia Berjaya	18	5	23
7	Surau Al Ihsan, Lorong Titi Siam	0	0	0
8	Surau Ibrahimiah, Kampong Borhan	54	42	96
9	Surau Darul Syifak, Taman Mutiara	29	18	47
10	Surau Taman Rakyat	34	5	39
11	Surau Alfalah, Taman Jaya	15	7	22
12	Surau Taman Jelatik / Rajawali	15	11	26
13	Surau Al Iman, Taman Alor Malai	0	2	2
14	Surau Taman Mahkota	1	1	2
15	Luar Kariah Alor Malai	59	0	59
<b>JUMLAH</b>		<b>412</b>	<b>135</b>	<b>547</b>

5. Bayaran pendaftaran dan yuran tahunan yang diterima secara atas talian (on-line FPX) toyyibPay sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM 7,000.00.
6. Ahli-ahli yang masih belum lagi menjelaskan yuran tahunan mereka telah diberikan peringatan melalui sistem pesanan 'WhatsApp'.

**SENARAI PENERIMA SUMBANGAN KEMATIAN 2023****1 BAYARAN KEMATIAN AHLI (RM 1,000.00)**

<b>BIL</b>	<b>NO AHLI</b>	<b>TARIKH MENINGGAL</b>	<b>ALLAHYARHAM/ ALLAHYARHAMAH</b>
1.	627	02/01	HAJAH NORJAN BT DAUD
2.	734	08/01	ARSAT BIN SAPAI
3.	324	14/03	SITI RAMLAH BT MAHMUD
4.	1750	18/03	ZAINUDIN B SAAD
5.	639	28/03	ABD AZIZ B. AHMAD
6.	389	01/04	ZULKIFLI B YAHAYA
7.	1634	05/04	INCHE ALI @ MUHAMMAD ALI B. CHE MAN
8.	25	18/04	CHE ROKIAH BT MD REJAB
9.	279	22/04	BAHARUDDIN B MAN
10.	1252	13/05	MOHD FAUZI B BAKAR
11.	531	21/05	ABDUL RASHID B HUSSEIN
12.	1178	20/07	SHAHAROM B MUSTAFA
13.	780	24/07	YEH BT CHE ISHAK
14.	2130	8/08	ROSLI BIN LAZIM
15.	335	14/08	CHE YAHYA B SAMSUDIN
16.	1134	25/08	HASENAH BT ISMAIL
17.	396	17/09	KHALIJAH BT ABD RAHMAN
18.	73	25/09	HUSSEIN B AHMAD
19.	812	20/10	MT SAAD N AHMAD
20.	1474	26/10	TUNKU AZIAH BT TUNKU ABD RAHMAN
21.	815	09/11	SITI ZAKIAH BT RASHID
22.	64	12/12	CHE ABU BAKAR B AZIZ

**2 BAYARAN KEMATIAN ISTERI/SUAMI AHLI (RM 1,000.00)**

<b>BIL</b>	<b>NO AHLI</b>	<b>TARIKH MENINGGAL</b>	<b>ALLAHYARHAM/ ALLAHYARHAMAH</b>
1.	026	06/01	JUNAIDAH BT DIN
2.	320	21/01	PARIDAH BT SAAD
3.	1245	19/02	AISHAH BT IBRAHIM
4.	1643	18/03	ROSMIZA BT SAFIE
5.	943	04/07	CHE ZARINA BT REJAB
6.	982	09/07	MOHD ABU BAKAR B RAUTIN IBRAHIM
7.	902	13/07	FARIDAH BT KERIA
8.	2230	17/07	MUHAMMAD AMIR AMALI B ZAMRI
9.	1802	05/08	NOORDIN BIN AHMAD
10.	1050	11/09	RAMLI B JUNAID
11.	1889	02/10	ASMA SUHAILI B AZIZ
12.	1811	02/10	NOR LAILA BT AHMAD
13.	1288	22/11	RABIAH BT MD ISA
14.	328	25/11	SITI AMINAH BT CHE NEN
15.	498	08/12	ZARINA BT ARSHAD

**3 BAYARAN KEMATIAN TANGGUNGAN AHLI (RM 200.00)**

<b>BIL</b>	<b>NO AHLI</b>	<b>TARIKH MENINGGAL</b>	<b>ALLAHYARHAM/ ALLAHYARHAMAH</b>
1.	634	01/01	WAN QASIAH BT WAN SAIDIN
2.	1929	12/01	HALIMAH BT HASSAN
3.	1048	15/02	AHMAD YASEER HAMDI B NORAZLAN
4.	2008	21/02	MAZLAN B ISMAIL
5.	2254	24/04	IBRAHIM B MAT
6.	956	12/05	MD NOH B JUSOH
7.	2042	12/05	SABARIAH BT IBRAHIM
8.	969	21/05	SAADUDIN B ABD RAHMAN
9.	2083	23/05	MOHAMMAD SYAHNI IQBAZ B BAKHTIAR
10.	2129	08/08	ROSLI BIN LAZIM
11.	1760	25/09	PUTEH B ALI

---

# LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2023

---

---

PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

BANK MUAMALAT : 02060000416716

BANK ISLAM : 02011020179822

**PENYATA KEWANGAN DARI 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2023****PENERIMAAN TAHUN 2023**

<b>BIL</b>	<b>PENERIMAAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Bayaran Pendaftaran Ahli Baharu	1,840.00
2	Yuran Ahli Kelamin	51,760.00
3	Yuran Depan Ahli Kelamin	1,012.00
4	Yuran Ahli Bujang	8,712.00
5	Yuran Depan Ahli Bujang	324.00
6	Tunggakan Yuran Ahli Kelamin	2,746.00
7	Tunggakan Yuran Ahli Bujang	286.00
8	Yuran Tahunan Pentadbiran	5,940.00
9	Jualan Kain Kafan	2,380.00
10	Sumbangan Diterima	6,109.49
11	Hibah Bank Islam (Semasa)	20.15
12	Hibah Bank Muamalat (Semasa)	925.79
13	Hibah Bank Islam (Tetap)	2,192.44
14	Hibah Bank Muamalat (Tetap)	4,194.21
15	Hibah Bank Rakyat (Tetap)	1,033.98
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>		<b>89,476.06</b>

**PEMBAYARAN TAHUN 2023**

<b>BIL</b>	<b>PEMBAYARAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Hadiah Kematian Ahli	22,000.00
2	Hadiah Kematian Pasangan (suami/isteri)	15,000.00
3	Hadiah Kematian Tanggungan	2,200.00
4	Pembelian Kain Kafan dan Peralatan	405.80
5	Perbelanjaan Mesyuarat	2,420.00
6	Saguhati Pengurusan	1,191.00
7	Perbelanjaan Runcit	1,184.40
8	Caj Bank	49.00
9	Alatulis dan Percetakan	1,207.40
10	Sistem e-Khairat	1,500.00
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>		<b>47,157.60</b>

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

BANK MUAMALAT : 02060000416716

BANK ISLAM : 02011020179822


**KUNCI KIRA-KIRA TAHUN 2023**

<b>BUTIRAN</b>	<b>RM</b>
<b>BAKI AWAL TAHUN 2023</b>	
1. Simpanan Bank Islam	9,469.53
2. Simpanan Bank Muamalat	74,470.26
3. Simpanan Tetap Bank Islam	28,348.25
4. Simpanan Tetap Bank Muamalat	131,955.38
5. Simpanan Tetap Bank Rakyat	23,179.58
6. Prabayar	7,847.44
7. Penerimaan Tahun 2023	89,476.06
8. Tunai di Tangan	66.12
<b>JUMLAH</b>	<b>364,812.62</b>
<b>BAKI AKHIR TAHUN 2023</b>	
1. Simpanan Bank Islam	96.37
2. Simpanan Bank Muamalat	131,569.60
3. Simpanan Tetap Bank Rakyat	50,000.01
4. Simpanan Tetap Bank Muamalat (Sijil 1)	100,000.00
5. Simpanan Tetap Bank Muamalat (Sijil 2)	33,749.59
6. Pembayaran Tahun 2023	47,157.60
7. Tunai ditangan	2,239.45
<b>JUMLAH</b>	<b>364,812.62</b>

Kami yang bertandatangan dibawah mengesahkan bahawa segala butiran pendapatan dan perbelanjaan Tahun 2023 adalah betul dan benar.



(Hj. Ahmad bin Awang)  
PEMERIKSA KIRA-KIRA



(Hj. Mohamad Nasrudin bin  
Hj. Ismail)  
PENGERUSI



(Hj. Ahmad Shufni bin  
Othman)  
SETIAUSAHA



(Hj. Salleh bin Hj. Yusoff)  
BENDAHARI

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

**ANGGARAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN TAHUN 2024****PENERIMAAN TAHUN 2024**

BIL	PENERIMAAN	JUMLAH (RM)
1	Bayaran Pendaftaran Ahli Baharu (150 orang x RM10)	1,500.00
2	Yuran Ahli Berkeluarga (1200 orang x RM50)	60,000.00
3	Yuran Ahli Bujang (200 orang x RM40)	8,000.00
4	Tunggakan Dari Yuran Berkeluarga (20 orang x RM50)	1,000.00
5	Tunggakan Dari Yuran Bujang (10 orang x RM40)	400
6	Hibah Simpanan Semasa	500
7	Hibah Simpanan Tetap	3,000.00
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>		<b>74,400.00</b>

**PEMBAYARAN TAHUN 2024**

BIL	PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
1	Hadiah Kematian Ahli (20 orang x RM1000)	20,000.00
2	Hadiah Kematian Pasangan (10 orang x RM1000)	10,000.00
3	Hadiah Kematian Tanggungan (20 orang x RM200)	4,000.00
4	Hadiah Kematian Dirumah Ahli (3 orang x RM100)	300.00
5	Elaun Pengerusi (1 orang)	250.00
6	Elaun Timbalan Pengerusi (1 orang)	200.00
7	Elaun Setiausaha (1 orang)	500.00
8	Elaun Penolong Setiausaha (1 orang)	400.00
9	Elaun Bendahari (1 orang)	1,000.00
10	Elaun Pengerusi Mesyuarat (1 orang)	50.00
11	Elaun Mesyuarat AJK (9 orang x 3 kali x RM20)	540.00
12	Pengecualian Yuran AJK (9 orang)	450.00
13	Mesyuarat Urusetia (4 orang x 3 kali x RM20)	240.00
14	Saguhati Perkhidmatan Juru Audit (2 orang x RM100)	200.00
15	Saguhati Pengerusi Mesyuarat Agung	50.00
16	Saguhati Pencatat Minit (2 orang x RM50)	100.00
17	Buku Laporan Mesyuarat Agung (70 x RM10)	700.00
18	Saguhati Kehadiran Mesyuarat Agung (60 orang x RM20)	1,200.00
19	Sistem e-Khairat	450.00
20	Pengurusan dan Pentadbiran	1,000.00
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>		<b>41,630.00</b>

---

# PEMBENTANGAN USUL

---

---

PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI



## **USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI (PKMAM)**

### **1. JUSTIFIKASI PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

- 1.1 Pindaan perlembagaan PKMAM perlu dilakukan kerana berlakunya perubahan kepada;
  - a) Nama Pertubuhan
  - b) Sistem Pentadbiran Pertubuhan
  - c) Sistem Pengurusan Pertubuhan
  - d) Sistem Keahlian Pertubuhan dan juga yang berkaitan dengannya.
  
- 1.2 Nama PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI ditukarkan kepada **PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**. Pertukaran nama ini lebih sesuai memandangkan;
  - a) Masjid Alor Malai telah digantikan dengan Masjid Albukhary Alor Malai.
  - b) Alamat, tempat urusan dan surat menyurat Pertubuhan ini adalah di Masjid Albukhary Alor Malai.

### **2. PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

- 2.1 Pindaan ini akan mengakibatkan bilangan Fasal bertambah kepada 21 Fasal berbanding dengan 18 Fasal yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).
  - a) 11 Fasal sediaada yang perlu kepada pindaan.
  - b) 3 Fasal baharu telah ditambah.
  - c) 7 Fasal sediaada dikekalkan.
  
- 2.2 Sebelas (11) Fasal yang perlu dipinda, antaranya yang penting adalah;
  - a) Fasal 1 : Nama  
Nama pertubuhan ditukar kepada **Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai (PKMAM)**
  - b) Fasal 2 : Alamat dan Tempat Urusan  
Alamat berdaftar dan tempat urusan adalah di **Masjid Albukhary Kariah Alor Malai, Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah.**

- c) Fasal 4 : Keahlian
- Pendaftaran keahlian dan tanggungan adalah secara atas talian (on-line) melalui Sistem e-Khairat.
- Pengesahan keahlian pemohon, berkuatkuasa setelah Bayaran Masuk dan Yuran Tahunan Pertama dijelaskan.
- Pasangan (Suami atau Isteri yang pertama) kepada ahli yang meninggal dunia boleh didaftarkan sebagai ahli (menyambung keahlian), walaupun umurnya melebihi 60 tahun. Syarat-syarat keahlian lain masih tertakluk kepada Perlembagaan Pertubuhan.
- d) Fasal 5 : Sumber Kewangan
- Bayaran pendaftaran dan yuran tahunan adalah secara atas talian (on-line) melalui Sistem e-Khairat.
- e) Fasal 6 : Wang Pentadbiran
- Perbelanjaan pentadbiran PKMAM diambil sebanyak RM5.00 dari yuran tahunan setiap ahli, bayaran pendaftaran keahlian baharu dan juga dari hibah keuntungan simpanan bank.
- f) Fasal 7 : Bantuan Kewangan (Khairat)
- Tanggungan ahli ke atas anak-anak tamat apabila mereka mencapai umur 25 tahun kecuali untuk anak-anak cacat yang memiliki kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang sah.
- g) Fasal 8 : Syarat-syarat Bantuan
- Ahli bertanggungjawab mengemaskini maklumat keahlian dan tanggungannya yang terdapat dalam Sistem e-Khairat untuk membolehkan bayaran bantuan kematian dapat diberikan.
- Tempoh permohonan tuntutan bantuan luput selepas enam (6) bulan dari tarikh kematian ahli atau tanggungan.
- h) Fasal 9 : Jawatankuasa
- Hanya empat (4) orang Ahli Jawatankuasa sahaja yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.
- Seramai empat (4) orang Ahli Jawatankuasa lagi dipilih dalam Mesyuarat Jawatankuasa.
- Tempoh memegang jawatan-jawatan tersebut adalah selama tiga (3) tahun.
- i) Fasal 10 : Kewajipan-kewajipan Pegawai
- Setiasaha bertanggungjawab sebagai Pentadbir Sistem e-Khairat serta menyimpan semua rekod-rekod keahlian.
- j) Fasal 16 : Perkara Am
- Sila rujuk Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan.

k) Fasal 17 : Pengamanah

Seramai tiga (3) orang Pemegang Amanah yang dilantik adalah dari mereka yang memegang tiga (3) jawatan dalam PKMAM iaitu Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan Bendahari.

2.3 Tiga (3) Fasal baharu telah ditambah;

a) Fasal 13 : Mesyuarat Jawatankuasa

Tambahan (rujuk Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan)

b) Fasal 14 : Pemecatan Jawatankuasa

Tambahan (rujuk Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan)

c) Fasal 21 : Lambang

Tambahan (rujuk Kertas Cadangan Pindaan Perlembagaan)

2.4 Tujuh (7) Fasal sediaada yang dikekalkan.

a) Fasal 3 : Tujuan

b) Fasal 11 : Mesyuarat Agung Tahunan

c) Fasal 12 : Mesyuarat Agung Khas

d) Fasal 15 : Pemeriksa Kira-Kira

e) Fasal 18 : Tafsiran

f) Fasal 19 : Pindaan Perlembagaan

g) Fasal 20 : Pembubaran

---

**KERTAS CADANGAN  
PINDAAN PERLEMBAGAAN**

---

---

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI**

**CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI, ALOR SETAR, KEDAH**

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p><b><u>FASAL 1 NAMA</u></b></p> <p>1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI, ALOR SETAR, KEDAH Selepas ini disebut "Pertubuhan".</p> <p>2) Takrif Nama : Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai</p> <p>3) Taraf Pertubuhan : Lain-lain</p>	<p><b><u>FASAL 1 : NAMA</u></b></p> <p>1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, ALOR SETAR, KEDAH. Selepas ini disebut "Pertubuhan".</p> <p>2. Takrif Nama : Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai</p> <p>3. Taraf Pertubuhan : Lain-lain</p>
<p><b><u>FASAL 2 TEMPAT URUSAN</u></b></p> <p>1) Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah NO. 94 BATU 3 JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR KEDAH dan alamat untuk surat-menyurat adalah NO. 94 BATU 3 JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR KEDAH atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;</p> <p>2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.</p>	<p><b><u>FASAL 2 : ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN</u></b></p> <p>1. Alamat Berdaftar, Tempat Urusan dan Alamat Surat-menyurat Pertubuhan adalah seperti berikut:  Masjid Albukhary Kariah Alor Malai Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah Darul Aman.  atau di tempat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa.</p> <p>2. Alamat Berdaftar, Tempat Urusan dan Alamat Surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan.</p>
<p><b><u>FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT</u></b></p> <p>1) memberi bantuan wang kepada ahli atau tanggungan ahli bila berlaku kematian di antara mereka.</p> <p>2) menggalakkan anak-anak Kariah membuat kariat dan kebajikan.</p> <p>3) melahirkan sifat tolong menolong dan kesederhanaan di antara satu dengan lain 1 sesama Islam</p>	<p><b><u>FASAL 3 : TUJUAN</u></b></p> <p>1. Memberi bantuan kewangan kepada ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku kematian di antara mereka.</p> <p>2. Menggalakkan anak-anak Kariah melakukan kebajikan (khairat).</p> <p>3. Melahirkan sifat tolong menolong dan kesederhanaan di antara satu dengan lain sesama Islam.</p>

PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)	CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN
<p><b><u>FASAL 4 KEAHLIAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) keahlian pertubuhan terbuka kepada penduduk Islam yang tinggal di kariah Alor Malai, Alor Star, Kedah.</li> <li>2) berumur 18 tahun tetapi tidak melebihi 60 tahun semasa memohon menjadi ahli.</li> <li>3) seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftarkan namanya dan butir-butir peribadinya, nama-nama tanggungannya, lengkap dengan umur dan alamat di dalam borang permohonan yang disediakan oleh pertubuhan.</li> <li>4) tiap-tiap permohonan menjadi ahli pertubuhan hendaklah dihantar kepada setiausaha pertubuhan yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu secepat mungkin kepada jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.</li> <li>5) tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang ditentukan dan diterima menjadi ahli pertubuhan maka berhaklah ia sebagai ahli.</li> <li>6) ahli-ahli berhak mendapat bantuan apabila sah menjadi ahli selepas 3 bulan (90 hari) dan akan dibuat surat pengesahan keahlian.</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 4 KEAHLIAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keahlian Pertubuhan terbuka kepada semua penduduk Islam yang tinggal bermastautin didalam Kariah Alor Malai, Alor Star, Kedah.</li> <li>2. Berumur dari 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun semasa memohon menjadi ahli.</li> <li>3. Satu keahlian akan mewakili satu rumah kediaman atau satu keluarga di bawah tanggungannya, terdiri daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Ahli</li> <li>b) Pasangan Ahli (suami/isteri/isteri-isteri)</li> <li>c) Tanggungan Ahli <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Anak-anak Ahli Yang belum mencapai umur 25 tahun, belum berkahwin atau tidak bekerja. (termasuk anak tiri, anak angkat berdaftar, dan cucu yang kematian ibubapa)</li> <li>ii) Anak cacat (tiada had umur jika memiliki kad Orang Kurang Upaya yang sah).</li> </ol> </li> <li>d) Ibu/bapa Ahli</li> <li>e) Ibu/bapa mertua Ahli</li> </ol> </li> <li>4. Permohonan untuk menjadi ahli boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui Sistem e-Khairat Pertubuhan.</li> <li>5. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak permohonan keahlian tanpa memberikan sebarang sebab.</li> <li>6. Pengesahan keahlian pemohon itu berkuatkuasa setelah Bayaran Masuk dan Yuran Tahunan Pertama dijelaskan.</li> <li>7. Ahli Pertubuhan layak mendapat bantuan selepas 3 bulan (90 hari) setelah disahkan menjadi ahli.</li> <li>8. Pasangan (Suami atau Isteri yang pertama) kepada ahli yang meninggal dunia boleh didaftarkan semula sebagai ahli (menyambung keahlian), walaupun umurnya melebihi 60 tahun. Syarat-syarat keahlian lain</li> </ol>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
	masih tertakluk kepada Perlembagaan Pertubuhan.
<p><b><u>FASAL 5 SUMBER KEWANGAN</u></b></p> <p>1) bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">Pendaftaran: RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Lima)</p> <p style="padding-left: 40px;">Yuran tahunan Ahli kelamin : RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh lima)</p> <p style="padding-left: 40px;">Ahli bujang : Rm 40.00 (Ringgit Malaysia: Empat puluh )</p> <p>2) yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum akhir bulan Mac tiap-tiap tahun.</p> <p>3) ahli yang membiar hutang yurannya sebanyak lebih dari satu tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil setiausaha dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dibayar.</p> <p>4) ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari dua tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli pertubuhan dan dia tidak berhak mendapat apa-apa bantuan. jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.</p> <p>5) pertubuhan ini boleh menerima atau mengutip derma dari ahli dan bukan ahli yang ingin menyumbang kepada pertubuhan ini dengan mendapat kebenaran bertulis daripada pendaftar pertubuhan terlebih dahulu.</p>	<p><b><u>FASAL 5 SUMBER KEWANGAN.</u></b></p> <p>1. Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:-</p> <p style="padding-left: 40px;">Pendaftaran</p> <p style="padding-left: 40px;">Bayaran Masuk : RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh)</p> <p style="padding-left: 40px;">Yuran Tahunan</p> <p style="padding-left: 40px;">Ahli Kelamin/Keluarga : RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima puluh)</p> <p style="padding-left: 40px;">Ahli Bujang : RM 40.00 (Ringgit Malaysia : Empat puluh)</p> <p>2. Yuran tahunan hendaklah dijelaskan sebelum akhir bulan Mac setiap tahun kepada Bendahari atau secara atas talian (online) melalui Sistem e-Khairat Pertubuhan.</p> <p>3. Ahli akan hilang kelayakan apabila tidak menjelaskan bayaran yuran tahunan dalam tempoh lebih dari satu tahun.</p> <p>4. Ahli yang membiarkan yuran tahunan tertunggak lebih dari dua tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan. Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.</p> <p>5. Pertubuhan ini boleh menerima atau mengutip derma dari ahli dan bukan ahli yang ingin menyumbang kepada Pertubuhan ini dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Pertubuhan terlebih dahulu.</p>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>																
<p><b><u>FASAL 6 WANG TABUNGAN</u></b></p> <p>Untuk belanja yang mustahak bagi mentadbir Pertubuhan ini, cuma RM 4.00 daripada yuran tahunan ahli boleh digunakan dan baki yurang tersebut bolehlah digunakan untuk melanjutkan tujuan-tujuan Pertubuhan ini. Kira-kira wang pentadbiran ini hendaklah diasingkan daripada kira-kira wang bantuan kematian (khariat) Pertubuhan.</p>	<p><b><u>FASAL 6 WANG PENTADBIRAN</u></b></p> <p>Untuk urusan perbelanjaan pentadbiran Pertubuhan ini, sebanyak RM 5.00 daripada yuran tahunan setiap ahli, bayaran masuk ahli baharu dan hibah daripada simpanan bank boleh digunakan.</p>																
<p><b><u>FASAL 7 BANTUAN KEWANGAN</u></b></p> <p>1) ahli/ isteri/suami ahli : RM 1000.00 (Ringgit Malaysia: satu ribu)</p> <p>2) Tanggungan : RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua ratus )</p> <p style="margin-left: 20px;">a) anak-anak ahli b) ibubapa ahli c) ibubapa mertua d) anak-anak ahli yang cacat</p> <p>3) Kematian di rumah ahli yang :RM 100.00 (Ringgit Malaysia: bukan tanggungan satu ratus)</p> <p>4) Tempoh Tamat; Tanggungan ke atas anak lelaki apabila mencapai umur 25 tahun. Bagi anak-anak perempuan ditamatkan apabila mereka berkawin, bekerja dengan kerajaan atau mana-mana syarikat yang bergaji tetap.</p>	<p><b><u>FASAL 7 : BANTUAN KEMATIAN (KHAIRAT)</u></b></p> <p>1. Bantuan-bantuan yang akan diberi jika berlaku kematian kepada ahli atau tanggungan ahli adalah seperti berikut:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 60%;">a) Ahli</td> <td style="width: 40%;">RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)</td> </tr> <tr> <td>b) Isteri/Suami Ahli</td> <td>RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)</td> </tr> <tr> <td>c) Tangungan</td> <td>RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua ratus)</td> </tr> <tr> <td style="margin-left: 20px;">i. anak-anak ahli</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="margin-left: 20px;">ii. ibubapa ahli</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="margin-left: 20px;">iii. ibubapa mertua ahli</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="margin-left: 20px;">iv. anak-anak ahli yang cacat</td> <td></td> </tr> <tr> <td>d) Kematian di rumah ahli yang bukan dari tanggungan</td> <td>RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu ratus)</td> </tr> </table> <p>2. Tempoh Tamat</p> <p>Tanggungan ahli ke atas anak-anak tamat apabila mereka mencapai umur 25 tahun kecuali untuk anak-anak cacat yang memiliki kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang sah.</p>	a) Ahli	RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)	b) Isteri/Suami Ahli	RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)	c) Tangungan	RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua ratus)	i. anak-anak ahli		ii. ibubapa ahli		iii. ibubapa mertua ahli		iv. anak-anak ahli yang cacat		d) Kematian di rumah ahli yang bukan dari tanggungan	RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu ratus)
a) Ahli	RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)																
b) Isteri/Suami Ahli	RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu ribu)																
c) Tangungan	RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua ratus)																
i. anak-anak ahli																	
ii. ibubapa ahli																	
iii. ibubapa mertua ahli																	
iv. anak-anak ahli yang cacat																	
d) Kematian di rumah ahli yang bukan dari tanggungan	RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu ratus)																



<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p><b><u>FASAL 8 SYARAT BANTUAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) bantuan kematian akan dibayar atas kematian ahli atau tanggungan yang namanya ada dalam didaftarkan dan disimpan oleh setiausaha pertubuhan. (pertambahan tanggungan hendaklah dilaporkan dari masa ke semasa kepada setiausaha pertubuhan)</li> <li>2) mengemukakan tuntutan melalui setiausaha pertubuhan dengan disertakan bersama-sama satu salinan bersama-sama satu sijil akuan kematian asal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk disahkan.</li> <li>3) bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayarkan kepada warisnya.</li> <li>4) bantuan akan diberi satu sahaja bagi seseorang yang meninggal dunia.</li> <li>5) bantuan dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh berlakunya sesuatu peristiwa.</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 8 SYARAT-SYARAT BANTUAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan kematian akan dibayar atas kematian ahli atau tanggungannya yang nama mereka ada didaftarkan dalam Sistem e-Khairat Pertubuhan.</li> <li>2. Ahli bertanggungjawab mengemaskini maklumat tanggungan yang terdapat dalam Sistem e-Khairat Pertubuhan.</li> <li>3. Tuntutan boleh dilakukan melalui Bendahari atau Setiausaha Pertubuhan dengan disertakan bersama salinan sijil akuan kematian, salinan kad pengenalan serta membawa bersama sijil akuan kematian asal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk disahkan.</li> <li>4. Untuk kematian tanggungan ahli, bantuan akan dibayar kepada ahli dan untuk kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayarkan kepada warisnya.</li> <li>5. Tempoh permohonan tuntutan bantuan luput selepas enam (6) bulan dari tarikh kematian ahli atau tanggungan.</li> </ol>
<p><b><u>FASAL 9 JAWATANKUASA</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kuasa tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas mesyuarat agung. Mesyuarat Agung Tahunan ahli-ahli hendaklah memilih ahli-ahli Jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan harian Pertubuhan. Mereka ini akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Ahli-ahli Jawatankuasa mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang Yang Dipertua</li> <li>Seorang Naib Yang Dipertua</li> <li>Seorang Setiausaha</li> <li>Seorang Penolong Setiausaha</li> <li>Seorang Bendahari</li> <li>4 orang Ahli Jawatankuasa Biasa</li> </ul> </li> <li>2) Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 9 JAWATANKUASA</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kuasa tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agung Tahunan. Didalam Mesyuarat Agung Tahunan, ahli-ahli hendaklah memilih ahli-ahli Jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan harian Pertubuhan. Mereka ini akan memegang jawatan tersebut selama tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang Yang Dipertua</li> <li>Seorang Naib Yang Dipertua</li> <li>Seorang Setiausaha</li> <li>Seorang Penolong Setiausaha</li> <li>Seorang Bendahari</li> <li>4 orang Ahli Jawatankuasa Biasa</li> </ul> </li> </ol>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah Warganegara Malaysia.</p> <p>3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di Fasal 9(1) hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan., kecuali bagi jawatan Yang DiPertua. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap dua (2) tahun.</p> <p>4) Lantikan Yang DiPertua adalah secara terus berdasarkan kepada jawatan Iman semasa di Masjid Al Bukhary.</p>	<p>2. Lantikan Yang DiPertua adalah secara terus berdasarkan kepada jawatan Iman semasa di Masjid Albukhary Kariah Alor Malai.</p> <p>3. Seramai empat (4) orang ahli jawatankuasa akan dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan dengan nama-nama mereka dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli yang hadir di dalam mesyuarat tersebut.</p> <p>4. Seramai empat (4) orang ahli jawatankuasa lagi akan dilantik oleh Yang DiPertua dari mereka yang dicadangkan serta mendapat persetujuan terbanyak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan.</p> <p>5. Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan pegawai-pegawai lain yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah Warganegara Malaysia dan bermastautin didalam Kariah Alor Malai, Alor Setar, Kedah.</p> <p>6. Mesyuarat Jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong atas sebab-sebab ahli Jawatankuasa atau pegawai yang berhenti atau meninggal dunia.</p>
<p><b><u>FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI</u></b></p> <p>1) Yang Di Pertua: dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat. ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan setiausaha dan bendahari.</p> <p>2) Naib Yang Di Pertua, hendaklah membantu yang di pertua menyelia</p>	<p><b><u>FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI</u></b></p> <p>1. Yang Dipertua, dalam tempoh menyandang jawatannya hendaklah;</p> <p>a) menyelia urusan pentadbiran Pertubuhan.</p> <p>b) menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat.</p> <p>c) ia mempunyai undi pemutus.</p> <p>d) menandatangani minit mesyuarat apabila telah diluluskan.</p> <p>e) menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.</p>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>urusan pentadbiran pertubuhan. semasa ketiadaan yang di pertua, beliau akan menguruskan segala mesyuarat dan menjalankan tugas-tugas jawatan yang di pertua.</p> <p>3) Setiausaha, hendaklah menjalankan kerja pentadbiran pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan 4 jawatankuasa. ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama yang di pertua dan bendahari. setiausaha hendaklah dalam tempoh 60 hari dari tarikh mesyuarat agung tahunan diadakan, mengirim penyata tahunan pertubuhan kepada pendaftar pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 14 (1) akta pertubuhan 1966.</p> <p>4) Penolong Setiausaha hendaklah membantu setiausaha menjalankan tugas-tugas.</p> <p>5) Bendahari akan bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan pertubuhan dan memungut segala yuran pertubuhan, menyimpan buku-buku yuran, menyedia dan menyimpan kira-kira masuk dan keluar dan bertanggungjawab di atas ketetapannya. ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan yang di pertua dan setiausaha. ia hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) penyata kira-kira bulanan</li> <li>b) penyata kira-kira tahunan bermula 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun</li> </ol>	<p>2. Naib Yang Dipertua hendaklah;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) membantu Yang Dipertua menyelia urusan pentadbiran Pertubuhan.</li> <li>b) menguruskan semua mesyuarat dan menjalankan tugas-tugas jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaan Yang Dipertua.</li> </ol> <p>3. Setiausaha hendaklah ;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang.</li> <li>b) menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa.</li> <li>c) bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat, menyimpan semua minit-minit mesyuarat dan buku laporan tahunan kecuali akaun dan buku-buku kewangan.</li> <li>d) hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.</li> <li>e) bertanggungjawab sebagai Pentadbir kepada Sistem e-Khairat Pertubuhan.</li> <li>f) menyimpan rekod maklumat keahlian Pertubuhan.</li> <li>g) menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Bendahari.</li> <li>h) mengirimkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.</li> </ol> <p>4. Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha menjalankan tugas-tugas.</p> <p>5. Bendahari akan bertanggungjawab berkenaan ;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) semua hal kewangan Pertubuhan.</li> <li>b) memungut segala yuran Pertubuhan.</li> <li>c) penyimpanan buku-buku yuran.</li> <li>d) menyedia dan menyimpan kira-kira wang masuk dan keluar dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.</li> </ol>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>c) penyata kira-kira yang disediakan hendaklah diperiksa dan disahkan oleh pemeriksa kira-kira yang dilantik dalam mesyuarat agung tahunan.</p> <p>a) bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangan lebih daripada dua (2) orang ahli meninggal dunia pada satu masa dan semua yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa. kira-kira bank itu hendaklah di atas nama pertubuhan.</p> <p>6) ahli jawatankuasa biasa hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membantu jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.</p>	<p>e) menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Setiausaha.</p> <p>f) menyediakan perkara-perkara berikut:-</p> <p>i) Penyata Kira-kira bulanan.</p> <p>ii) Penyata Kira-kira tahunan bermula 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.</p> <p>g) Penyata Kira-kira yang disediakan hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.</p> <p>h) tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangan lebih daripada dua (2) orang ahli meninggal dunia pada satu-satu masa dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.</p> <p>6. Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan.</p>
<p><b><u>FASAL 11 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN</u></b></p> <p>1) Pengelolaan pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli mesyuarat agung hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang tiga kali ganda jumlah ahli jawatankuasa, bagi mencukupi korum untuk mesyuarat.</p> <p>2) jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir</p>	<p><b><u>FASAL 11 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN</u></b></p> <p>1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung Tahunan ahli-ahli. Mesyuarat Agung hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang tiga kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, bagi mencukupi korum untuk bermesyuarat.</p> <p>2. Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi</p>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.</p> <p>3) mesyuarat agung tahunan bagi pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 April pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh jawatankuasa. notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang diluluskan oleh pendaftar pertubuhan bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat. kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) menerima laporan jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan di dalam tahun lalu.</li> <li>b) menerima laporan bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.</li> <li>c) memilih ahli-ahli jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang.</li> <li>d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.</li> </ol> <p>4) mesyuarat agung tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah ahli-ahli jawatankuasa.</p>	<p>tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.</p> <p>3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;</li> <li>b) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;</li> <li>c) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk tahun yang akan datang; dan</li> <li>d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.</li> </ol>
<p><b><u>FASAL 12 MESYUARAT AGUNG KHAS</u></b></p> <p>1) mesyuarat agung khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) bila difikirkan mustahak oleh jawatankuasa ; atau</li> <li>b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 12 MESYUARAT AGUNG KHAS</u></b></p> <p>1. Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau</li> <li>b) atas permintaan bertulis ahli dengan sokongan tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab</li> </ol>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>sebab mengadakannya. permintaan itu hendaklah dihantar kepada setiausaha pertubuhan.</p> <p>2) mesyuarat agung khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.</p> <p>3) notis dan agenda untuk mesyuarat agung khas itu hendaklah diedarkan oleh setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.</p> <p>4) mesyuarat agung khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah ahli-ahli jawatankuasa.</p>	<p>mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.</p> <p>2. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.</p> <p>3. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.</p> <p>4. Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah ahli-ahli Jawatankuasa</p>
	<p><b><u>FASAL 13 MESYUARAT JAWATANKUASA</u></b></p> <p>1. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa, jika difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.</p> <p>2. Notis dan agenda bagi mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu.</p> <p>3. Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang dari setengah jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.</p>
	<p><b><u>FASAL 14 PEMECATAN JAWATANKUASA</u></b></p> <p>Pemecatan ahli-ahli Jawatankuasa dan pilihan penggantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Agung Khas.</p>
<p><b><u>FASAL 13 JURUAUDIT</u></b></p> <p>1) dua orang yang bukannya pegawai pertubuhan boleh dilantik di dalam mesyuarat agung tahunan sebagai juruaudit. mereka akan memegang</p>	<p><b><u>FASAL 15 PEMERIKSA KIRA-KIRA</u></b></p> <p>1. Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa</p>


<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.</p> <p>2) juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk mesyuarat agung tahunan. mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada jawatankuasa.</p> <p>3) sekurang-kurangnya sekali setiap-tiap tahun kira-kira pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh pendaftar pertubuhan.</p>	<p>Kira-Kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.</p> <p>2. Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua mengaudit kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.</p> <p>3. Sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tahun kira-kira Pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk diaudit oleh seorang Juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.</p>
<p><b><u>FASAL 14 PERKARA AM</u></b></p> <p>Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan daripada golongan yang disebutkan ini suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapakepada ahli dengan syarat seorang ahli boleh menamakan mana-mana orang lain dengan bertulis yang ditandatangani sendiri di hadapan dan disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau Majistret atau Pendaftar.</p>	<p><b><u>FASAL 16 PERKARA AM</u></b></p> <p>1. Seseorang ahli boleh menamakan mana-mana orang lain sebagai orang yang akan menerima wang bantuan dengan bertulis yang ditandatangani sendiri di hadapan dan disaksikan oleh seorang Pesuruhjaya Sumpah atau Jaksa Pendamai atau Majistret atau Pendaftar.</p> <p>2. Setiap ahli boleh mendapatkan salinan undang-undang (Perlembagaan) Pertubuhan ini melalui Sistem e-Khairat Pertubuhan.</p> <p>3. Sekiranya terdapat kemusykilan terhadap Pertubuhan atau pegawai-pegawai Pertubuhan ini, maka ianya hendaklah dikemukakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dengan ketetapan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kemuskilan hendaklah diputuskan mengikut cara yang diarahkan menurut aturan-aturan Pertubuhan berdaftar;</li> <li>ii) Keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad dengan tiada hak merayu</li> </ul>

PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)	CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN
	<p>dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana Mahkamah.</p> <p>4. Perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari dan disahkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya.</p> <p>5. Perbelanjaan yang lebih daripada RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p>6. Pembayaran bantuan kematian yang ditetapkan dalam Fasal 7 di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar terus sekiranya syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.</p> <p>7. Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga akan mencemarkan nama baik Pertubuhan atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan secara bertulis atau dengan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Jika 2/3 ahli-ahli Jawatankuasa menyokong pemecatan maka ahli itu dipecat serta merta. Walaupun demikian ahli itu boleh, jika tidak puas hati merayu kepada Mesyuarat Agung menurut perkara (3) di atas.</p> <p>8. Lima puluh peratus (50%) daripada jumlah wang terkumpul yang tidak segera digunakan untuk membayar faedah kepada ahli-ahli bolehlah dilaburkan dalam sekuriti amanah, atau dengan persetujuan Pendaftar</p>



<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
	<p>Pertubuhan atas syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan bagi membeli tanah atau bangunan.</p> <p>9. Pertubuhan ini juga tidak dibenarkan bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang berunsurkan politik.</p>
<p><b><u>FASAL 15 PENGAMANAH</u></b></p> <p>1) tiga orang pengamanah yang bwerumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam mesyuarat agung tahunan dan mereka akan bekhidmat selama yang dikehendaki oleh pertubuhan. kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan pertubuhan.</p> <p>2) suatu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh penamanah yang dilantik dan disahkan oleh setiausaha hendaklah dihantar kepada pendaftar pertubuhan.</p> <p>3) seseorang pengamanah, boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana sakit, tidak siuman, tidak berada dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. jika berlaku kematian, letak jawatan atau pembuangan bagi seseorang pengamanah maka kekosongan itu hendaklah dipenuhi oleh pengamanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agung.</p> <p>4) setiausaha dan bendahari tidak boleh menjadi pengamanah.</p>	<p><b><u>FASAL 17 PENGAMANAH</u></b></p> <p>1. Tiga orang Pengamanah dilantik daripada mereka yang memegang tiga jawatan utama dalam Pertubuhan, iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Yang DiPertua</li> <li>ii) Naib Yang DiPertua</li> <li>iii) Bendahari</li> </ul> <p>Mereka bertanggungjawab keatas semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan dan akan bekhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan.</p> <p>2. Jika berlaku kematian, letak jawatan atau pembuangan bagi seorang Pengamanah, maka kekosongan itu hendaklah diisi oleh Pengamanah baharu yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung.</p>
<p><b><u>FASAL 16 TAFSIRAN</u></b></p> <p>Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, mesyuarat jawatankuasa boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan</p>	<p><b><u>FASAL 18 TAFSIRAN</u></b></p> <p>Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, mesyuarat Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan</p>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. keputusan jawatankuasa adalah muktamad jika tidak atau sehingga diubah oleh keputusan mesyuarat agung.</p>	<p>memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad sehingga dipinda oleh keputusan Mesyuarat Agung.</p>
<p><b><u>FASAL 17 PINDAAN PERLEMBAGAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan dengan suara terbanyak di dalam mesyuarat agung.</li> <li>2) pndaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli-ahli pertubuhan dengan cara undi sulit.</li> <li>3) permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada pendaftar pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itudan hanya boleh dikuatkuasakan mulai tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh pendaftar pertubuhan.</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 19 PINDAAN PERLEMBAGAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan dengan suara terbanyak di dalam Mesyuarat Agung.</li> <li>2. Pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dilakukan dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit.</li> <li>3. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.</li> </ol>
<p><b><u>FASAL 18 PEMBUBARAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada ahli-ahli pertubuhan ini di dalam mesyuarat agung yang diadakan khas untuknya.</li> <li>2) apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan pertubuhan ini, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan yang dipersetujui</li> </ol>	<p><b><u>FASAL 20 PEMBUBARAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan mendapat persetujuan tiga perempat (3/4) daripada ahli-ahli Pertubuhan ini di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas untuknya.</li> <li>2. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan Pertubuhan ini, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan yang dipersetujui dalam</li> </ol>

<b>PERLEMBAGAAN SEMASA (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)</b>	<b>CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>
<p>dalam mesyuarat agung untuk membubarkan pertubuhan ini.</p> <p>3) kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada pendaftar pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.</p>	<p>Mesyuarat Agung untuk membubarkan Pertubuhan ini.</p> <p>3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.</p>
<p><b><u>FASAL 19 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA</u></b></p> <p>1) Bendera - Keterangan</p> <p>2) Lambang - Keterangan</p> <p>3) Lencana – Keterangan</p>	<p><b><u>FASAL 21 LAMBANG</u></b></p> <p>Lambang ;</p> <div data-bbox="991 640 1251 931" style="text-align: center;">  </div> <p><b>KHAIRAT SATU TUNTUTAN</b></p> <p>Keterangan;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bulan Sabit, melambangkan Agama Islam.</li> <li>2. Kubah, melambangkan Masjid yang menjadi pusat ikatan ukhuwah Islamiyah</li> <li>3. Bentuk buku, melambangkan Kitab Al Quran yang menjadi pedoman hidup.</li> <li>4. Warna keemasan yang membawa maksud nilai yang tinggi.</li> </ol>

---

# LAMPIRAN

---

---

PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI



# MASJID ALBUKHARY

ALOR MALAI, ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

## PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

<https://www.e-khairat.com/alormalai>



### BAYARAN YURAN

1. SCAN ME
2. Pilih STATUS BAYARAN
3. Masukkan NAMA
4. Tekan Butang CARIAN
5. Pilih NAMA ANDA
6. Tekan Butang BAYAR SEKARANG
7. Masukkan EMEL (JIKA ADA)
8. Masukkan NO.TELEFON
9. Pilih JENIS YURAN
10. Tekan BAYAR SEKARANG
11. Pilihan BANK
12. Pilih I AGREE TO THE TERMS...
13. Tekan Butang PROCEED TO...
14. LOGIN BANK ANDA & BAYAR
15. Tekan RETURN TO MERCHANTS SITE bila Selesai.

### PENDAFTARAN AHLI

1. SCAN ME
2. Pilih PENDAFTARAN AHLI
3. Isi MAKLUMAT AHLI
4. Pilih MAKLUMAT LOKASI/TAMAN
5. Isi ALAMAT RUMAH
6. Pilih KATEGORI AHLI
7. Tekan Butang SETERUSNYA
8. Tekan Butang TANGGUNGAN
9. Isi MAKLUMAT TANGGUNGAN
10. Tekan Butang SIMPAN
11. Tekan Butang TANGGUNGAN Untuk Tambah Tanggungan
12. Tekan Butang SETERUSNYA (Bila Selesai)
13. Semak MAKLUMAT Yang Diisi
14. Tekan SAYA BERSETUJU Dengan POLISI & SYARAT (SILA BACA)
15. Tekan KEMBALI (Untuk Pembetulan)
16. Tekan DAFTAR (Untuk Pendaftaran)

### PENGESAHAN AHLI LAMA

SILA HANTAR SALINAN RESIT YURAN TAHUN 2023 UNTUK PENGESAHAN KEAHLIAN KE NOMBOR :

**019-454 6164**

Sertakan bersama:

- 1.NAMA ANDA
- 2.NO. KAD PENGENALAN
- 3.NO. AHLI

(Permohonan AHLI BAHARU hanya akan diluluskan selepas mendapat pengesahan Anak Kariah dari Surau/Taman yang berkenaan)

KEAHLIAN dan MANFAAT adalah tertakluk kepada PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 019-454 6164 atau 012-429 9605



# MASJID ALBUKHARY

ALOR MALAI, ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

---

## PERTUBUHAN KEBAJIKAN MASJID ALOR MALAI

**Senarai Masjid dan Surau dalam Kariah**

**Masjid Albukhary Alor Malai**

**Alor Setar, Kedah Darul Aman**

- 1) **Masjid Attaqwa, Taman PKNK**
- 2) **Masjid Al Hasanat, Taman Shahab**
- 3) **Surau Nurul Iman, Taman Serindit**
- 4) **Surau Albukhary, Taman Mawar**
- 5) **Surau Asshariff, Lorong Shariff**
- 6) **Surau Al Ihsan, Taman Setia Berjaya**
- 7) **Surau Al Ihsan, Lorong Titi Siam**
- 8) **Surau Ibrahimiah, Kampong Borhan**
- 9) **Surau Darul Syifak, Taman Mutiara**
- 10) **Surau Taman Rakyat**
- 11) **Surau Alfalah, Taman Jaya**
- 12) **Surau Taman Jelatik / Rajawali**
- 13) **Surau Al Iman, Taman Alor Malai**
- 14) **Surau Taman Mahkota**